

Sebanyak 4,766 Orang Di Pedalaman Pensiangan Terima BR1M Buat Kali Ketiga
Bernama
8 Mac, 2014

KOTA KINABALU, 8 Mac (Bernama) -- Lebih 4,000 penerima dari pedalaman Pensiangan layak menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) buat kali ketiga tahun ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup.

Mereka terdiri daripada 3,010 penerima membabitkan 1,210 individu bujang, 466 warga emas dan 1,334 ketua isi keluarga di daerah Sook dan 1,765 penerima dari daerah Nabawan membabitkan 734 individu bujang, 266 warga emas dan 756 ketua isi keluarga.

Kurup yang juga anggota Parlimen Pensiangan menyerahkan BR1M secara tunai dalam satu majlis di Sook dekat sini.

Beliau berharap bantuan itu dapat digunakan secara berhemah terutama membantu kehidupan seharian seperti perbelanjaan persekolahan anak-anak dan tidak digunakan untuk kegiatan tidak berfaedah.

"BR1M ini bukan janji kosong seperti pembangkang tetapi adalah janji Barisan Nasional (BN) untuk memastikan bahawa subsidi sampai kepada kumpulan sasaran dan mereka yang benar-benar layak," katanya dalam satu kenyataan kepada Bernama di sini Sabtu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020285>